




KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
JELI

ABSTRAK PROJEK



Abstrak Projek

(Agriculture & Aquaculture Project Exhibition 12 (APEX12))

Hak Cipta Terpelihara © 2026
Politeknik Jeli Kelantan

Terbitan ini dihasilkan untuk tujuan perkongsian ilmu dan dokumentasi Program Agriculture & Aquaculture Project Exhibition 12 (APEX12)

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh disalin semula, disebar, atau digunakan dalam sebarang bentuk tanpa kebenaran rasmi daripada pihak Politeknik Jeli Kelantan

Diterbitkan oleh:
Politeknik Jeli Kelantan,
Jeli, Kelantan,
Malaysia

Penyelaras Penerbitan:
Ahmad bin A P John@Zulkifli

Penyunting & Penulis:
W Noor Aida Binti W Muhamad
Ts. Nur Farahiah Binti Zakaria
Khairunisa Binti Abdul Aziz
Ts. Dr. Siti Zulaiha binti Zolkaply

Reka Bentuk & Susunatur:
Muhammad Mursyid bin Mohd Tanos

SENARAI KLUSTER

01

KLUSTER PRODUK

02

KLUSTER KAJIAN DAN TEKNIKAL

03

AKUAKULTUR



01

**KLUSTER
PRODUK**

Kajian Teh Herba Uncang Kayu Halban Sebagai Alternatif Rawatan Cirit Birit

Muhamad Haqimi Bin Abdul Aziz, Mohd AzriSyahmi Bin Md Nor,
Ryan Ezrizan A/L Aziman

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Cirit-birit merupakan masalah kesihatan yang kerap berlaku dan boleh memberi kesan kepada badan manusia kerana akan mengalami hidrasi serta kesihatan individu jika tidak dirawat dengan baik. Penggunaan ubat moden biasanya akan memberi kesan sampingan. Selain itu, rawatan alternatif berasaskan tumbuhan semakin mendapat perhatian. Kayu halban dikenali dalam perubatan tradisional kerana dipercayai mempunyai antimikrob dan membantu sistem pencernaan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan teh kayu halban sebagai rawatan alternatif bagi cirit-birit. Objektif kajian ini adalah untuk menghasilkan produk teh kayu halban berasaskan tumbuhan herba tradisional masyarakat zaman dahulu, menganalisis tahap penerimaan terhadap produk teh uncang kayu halban berdasarkan rasa, bau dan kualiti secara keseluruhan kesan, serta menyediakan minuman herba yang lebih mudah, cepat dan praktikal menggunakan uncang teh. Metodologi kajian menggunakan pendekatan eksperimen dan pemerhatian melibatkan penyediaan ekstrak teh kayu halban dalam bentuk teh serta ujian terhadap responden yang mengalami simptom cirit birit ringan. Data dikumpul melalui pemerhatian simptom dan soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengambilan teh kayu halban membantu mengurangkan kekerapan cirit-birit dan meningkatkan keselesaan pencernaan dalam tempoh tertentu. Selain itu, majoriti responden menerima baik rasa dan keberkesanan minuman tersebut. Kesimpulannya, teh kayu halban mempunyai potensi sebagai rawatan alternatif semula jadi untuk cirit-birit, namun kajian lanjut diperlukan untuk mengesahkan keberkesanan secara klinikal dan memastikan keselamatan pengguna.

Kata kunci: Kayu halban, cirit-birit, rawatan alternatif, teh herba, kesihatan pencernaan

Serondeng Terung Kasih Desa

Nurdania Sarah Binti Khairil Azli, Siti Nur Hakimah Binti Hasbi,
Annur Hazhirah Binti Hasim

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Serondeng merupakan makanan tradisional yang popular, namun pilihan produk masih terhad kepada sumber haiwan serta berdepan isu peningkatan kos bahan mentah. Selain itu, lambakan hasil tanaman terung dalam sektor pertanian turut menyebabkan penurunan harga pasaran dan kerugian kepada petani. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menghasilkan serondeng berasaskan terung, menentukan formulasi yang sesuai serta menilai tahap penerimaan pengguna. Metodologi kajian melibatkan proses penyediaan bahan mentah seperti bawang merah, bawang putih, halia, lengkuas, kunyit, serai dan lada kering. Diikuti proses pengisaran, penumisan bahan bersama rempah ratus yang terdiri daripada jintan manis, jintan putih, serbuk ketumbar dan serbuk kari. Seterusnya, pengeringan campuran terung, pes dan santan menggunakan nisbah 1:1:2 sehingga mencapai tekstur serondeng yang dikehendaki. Ujian deria telah dijalankan ke atas 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar, pensyarah dan staf sokongan bagi menilai atribut warna, tekstur, aroma dan rasa produk. Hasil kajian menunjukkan 99% responden menerima produk secara keseluruhan. Analisis nutrisi pula mendapati produk ini membekalkan tenaga sebanyak 515 kcal bagi setiap hidangan serta mengandungi 53g karbohidrat, 9.1g protein dan 29.6g lemak. Kesimpulannya, Serondeng Terung Kasih Desa berjaya dihasilkan sebagai produk inovasi yang berkhasiat, berdaya saing dan berpotensi untuk dipasarkan dan membantu mengurangkan lambakan hasil pertanian serta meningkatkan nilai tambah terung dalam industri makanan.

Kata kunci: Serondeng terung, inovasi makanan, nilai tambah,

Agropellet

Muhammad Adam Mukhriez Bin Shaiful Adli, Ainul Ikhmal Bin Amirrudin,
Iman Shaakil Bin Ahmad Faizal

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Sektor penternakan kini berhadapan dengan cabaran peningkatan harga makanan komersial dan isu pengurusan sisa pertanian. Agropellet diperkenalkan sebagai inovasi makanan alternatif dalam bentuk pellet yang memanfaatkan sisa pertanian tempatan bagi memastikan kelestarian industri penternakan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bahan mentah yang sesuai bagi penghasilan Agropellet, memastikan produk bebas daripada sebarang penggunaan bahan kimia sintetik, serta menilai keberkesanan kos penghasilan bagi mendapatkan harga yang lebih kompetitif. Proses dimulakan dengan pemilihan bahan mentah utama iaitu hampas kelapa, rumput Napier, dedak jagung, dan garam mineral. Hampas kelapa melalui proses penjemuran selama 12 hari bagi mengurangkan tahap kelembapan daripada 100% kepada 60%. Bahan-bahan ini kemudiannya diadun mengikut formulasi khusus dan diproses menggunakan mesin pembuat pellet bagi menghasilkan bentuk yang seragam dan mudah dikendalikan. Analisis data menunjukkan bahawa Agropellet yang dihasilkan 100% bebas bahan kimia dan menggunakan 90% sisa pertanian. Dari sudut ekonomi, kos penghasilan Agropellet adalah 60% lebih murah (anggaran RM3.00/kg) berbanding harga dedak komersial di pasaran (anggaran RM7.50/kg). Penggunaan rumput Napier dan hampas kelapa juga didapati memberikan nilai tambah kepada hasil pertanian yang sebelum ini dianggap sebagai bahan buangan. Secara keseluruhannya, Agropellet terbukti sebagai makanan ternakan yang organik, berkualiti, dan ekonomi. Inovasi ini bukan sahaja mampu mengurangkan beban kos operasi penternak, malah menyokong usaha kelestarian alam sekitar melalui kitar semula sisa pertanian.

Kata kunci: Agropellet, Sisa Pertanian, Kos Penghasilan, Makanan Ternakan Organik.

Inovasi Kutleri Biodegradasi Dari Sisa Kelapa

Siti Nursuzilawatey binti Mohd Nordin, Ahmad Adib Amsyar bin Muhamad Suhaili,
Sanjeevee Rao A/L Babu

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Penggunaan peralatan makan plastik yang semakin meningkat telah menyumbang kepada pencemaran alam sekitar kerana sifatnya yang tidak mudah terurai. Oleh itu, pembangunan alternatif peralatan makan biodegradasi adalah penting untuk mengurangkan sisa plastik serta menyokong kelestarian alam sekitar. Kajian ini bertujuan untuk menentukan jenis sisa kelapa yang paling sesuai untuk menghasilkan sudu biodegradasi yang mempunyai kekuatan struktur yang baik serta berpotensi mesra alam. Dalam kajian ini, sisa kelapa digunakan sebagai bahan serat utama dan digabungkan dengan tepung jagung, tepung, beras, dan air untuk membentuk campuran biodegradasi. Campuran tersebut dibentuk menjadi sudu dan dikeringkan bagi menghasilkan struktur yang kukuh. Sampel sebanyak 45 batang sudu dihasilkan yang mana dibahagikan kepada tiga rawatan iaitu Rawatan 1 (sabut kelapa), Rawatan 2 (isi kelapa) dan Rawatan 3 (tempurung kelapa), dengan 15 sampel bagi setiap rawatan. Sampel tersebut diuji bagi ketahanan dalam air dan masa penguraian. Hasil kajian menunjukkan bahawa Rawatan 1 (sabut kelapa) mempunyai kadar pengkomposan yang lebih cepat berbanding rawatan lain. Ini adalah disebabkan oleh struktur berseratnya yang meningkatkan pengudaraan dan aktiviti mikroorganisma. Selain itu, sabut kelapa juga menunjukkan ketahanan yang lebih tinggi dalam air berbanding isi kelapa dan tempurung kelapa kerana kandungan lignin dan selulosa yang tinggi, yang memberikan struktur lebih kukuh. Kesimpulannya, sabut kelapa menunjukkan prestasi yang lebih baik dari segi kadar pengkomposan dan ketahanan terhadap air, yang menjadikannya bahan yang lebih sesuai untuk produk biodegradasi serta berpotensi sebagai alternatif mesra alam yang baik

Kata kunci: Biodegradasi, sudu, sisa kelapa

Inovasi Penghasilan Jeruk Kering Berasaskan Buah Salak

Haziq Daniel Bin Suharman, Nur Erdina Ayuni Binti Affandi

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Buah salak (*Salacca zalacca*) mempunyai potensi tinggi sebagai bahan mentah produk makanan, namun mudah rosak akibat kandungan air yang tinggi (sekitar 78-82%). Sehubungan itu, inovasi penghasilan jeruk kering berasaskan buah salak dilihat mampu mengurangkan pembaziran pasca-tuai, memanjangkan jangka hayat simpanan serta meningkatkan nilai tambah ekonomi kepada petani. Kajian ini bertujuan menghasilkan jeruk kering buah salak melalui kaedah pengeringan oven sebagai alternatif produk makanan, di samping mengkaji kesan suhu pengeringan (60°C dan 100°C) terhadap masa pengeringan, warna, tekstur dan rasa, serta mengenal pasti suhu optimum bagi menghasilkan produk berkualiti tinggi. Metodologi kajian melibatkan pemilihan buah salak matang, pemotongan nipis, perendaman dalam larutan gula, dan seterusnya pengeringan menggunakan oven biasa dan oven pengering. Parameter yang dinilai termasuk masa pengeringan, perubahan warna secara visual, tekstur (kering dan kerenyahan) serta rasa melalui pemerhatian sensori. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengeringan pada suhu 100°C hanya mengambil masa satu jam, namun menghasilkan warna kekuningan bercampur kecoklatan serta rasa yang kurang manis. Sebaliknya, suhu 60°C memerlukan masa lebih lama iaitu 3 jam 51 m lebih seimbang dan hampir kepada ciri asal buah salak. Walaupun kedua-dua suhu menghasilkan tekstur kering, suhu yang lebih rendah didapati mengekalkan kualiti sensori dengan lebih baik. Kesimpulannya, pengeringan pada suhu 60°C adalah paling optimum untuk menghasilkan jeruk kering buah salak yang berkualiti dan berpotensi sebagai teknologi pemrosesan yang mudah serta kos efektif dalam meningkatkan nilai ekonomi buah salak di Malaysia.

Kata kunci: Jeruk kering salak, Pengeringan oven, Inovasi produk makanan

Deodoran Daun Gelenggang

Nur Shahira Balqis binti Zunaidi , Nur Ibtisam Sofea Binti Mohd Fitri, Siti Nor Hazwani
Ajmal Binti Abdullah

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan berikutan kebimbangan terhadap penggunaan deodoran komersial yang mengandungi bahan kimia seperti aluminium dan paraben yang berpotensi menyebabkan iritasi kulit serta memberi kesan kepada kesihatan pengguna. Seiring dengan peningkatan kesedaran terhadap produk berasaskan bahan semula jadi dan mesra alam, deodoran berasaskan daun gelenggang (*Senna alata*) dibangunkan sebagai alternatif yang mempunyai sifat antibakteria dan antikulat bagi membantu mengurangkan bau badan. Objektif kajian ini adalah untuk membangunkan formulasi deodoran serta menilai keberkesanannya melalui penerimaan pengguna. Metodologi melibatkan penyediaan ekstrak daun gelenggang yang digabungkan dengan ekstrak daun pudina, natrium bikarbonat, gliserin dan air suling bagi menghasilkan formulasi yang stabil. Ujian logam berat turut dijalankan dan menunjukkan kandungan logam berat berada pada tahap selamat iaitu plumbum <1.00 ppm, kadmium 0.01 ppm, arsenik 0.05 ppm dan merkuri 0.03 ppm, yang kesemuanya berada di bawah had piawaian yang ditetapkan. Produk ini kemudian diuji ke atas 50 orang responden berdasarkan aspek aroma, tekstur, kemudahan penggunaan dan keberkesanan. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden memberikan maklum balas positif, di mana produk mempunyai aroma yang menyegarkan, tekstur yang selesa serta mudah digunakan, di samping berkesan dalam mengurangkan bau badan. Kesimpulannya, deodoran berasaskan daun gelenggang adalah selamat digunakan dan berpotensi sebagai alternatif kepada deodoran komersial serta sesuai untuk dikomersialkan sebagai produk penjagaan diri berasaskan bahan semula jadi

Kata kunci: Deodoran, daun gelenggang, bahan semula jadi

Penghasilan Halwa Kulit Tembikai Wangi Cucumis melo

Muhammad Iqbal Rithhaudin Bin Mohd Safri , Muhammad Bin Abdul Razak ,
Muhammad Aizat Bin Mohd Affandi

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menghasilkan halwa daripada kulit tembikai wangi (Cucumis melo) sebagai alternatif penggunaan sisa makanan dan sumber serat dalam diet harian. Fokus utama kajian adalah untuk mendapatkan formulasi terbaik serta menilai tahap penerimaan pengguna melalui ujian penilaian deria. Proses penghasilan melibatkan beberapa langkah utama iaitu penyediaan bahan, perendaman dalam larutan kapur, perebusan, penyediaan larutan gula dan pengeringan sehingga produk siap. Hasil kajian menunjukkan bahawa halwa yang dihasilkan mendapat penerimaan yang baik dalam kalangan responden dari segi rupa bentuk, warna, rasa dan tekstur. Ini menunjukkan formulasi yang digunakan adalah sesuai dan berpotensi untuk dikembangkan. Selain itu, penggunaan kulit tembikai wangi dalam penghasilan halwa dapat membantu mengurangkan pembaziran sisa organik serta menyokong amalan kelestarian makanan melalui konsep “waste-to-wealth”. Secara keseluruhan, produk ini bukan sahaja mempunyai nilai pemakanan yang baik, malah berpotensi untuk dikomersialkan sebagai produk makanan inovatif.

Kata kunci: halwa kulit tembikai wangi, Cucumis melo, serat, sisa makanan,

Bio Sponge

Hanif Muhaimin bin Mazlan , Nur Nafijah Binti Pahrudin, Shahir Hamzah bin Sha Abdul Hameed

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Biosponge ini dilaksanakan untuk menilai potensi inovasi Biosponge berasaskan sabut kelapa sebagai alternatif mesra alam bagi menggantikan span sintetik komersial yang sebahagian besarnya berasaskan polimer petroleum. Kebergantungan berterusan terhadap span sintetik telah menyumbang kepada masalah sisa pepejal dan pencemaran mikroplastik yang sukar terurai. Inovasi ini telah dijalankan secara perbandingan ke atas 9 replikasi sampel bagi kedua-dua jenis bahan untuk mengukur tiga parameter fizikal utama: ketumpatan bahan (density), keliangan air (water porosity), dan penyerapan air (water absorption). Hasil analisis deskriptif menunjukkan Biosponge mencatatkan purata ketumpatan sebanyak 0.09 g/cm³, lebih tinggi secara marginal berbanding span sintetik iaitu 0.08 g/cm³. Walau bagaimanapun, penambahan kecil pada ketumpatan ini menyumbang kepada keteguhan struktur tanpa menjejaskan fungsinya. Sebaliknya, struktur jaringan gentian semula jadi. Manakala, bagi keupayaan menakung cecair, Biosponge mencatatkan purata keliangan air sebanyak 79.68%, manakala span sintetik (78%). Biosponge merekodkan keupayaan purata serapan air yang lebih tinggi pada 86.1%, berbanding span sintetik komersial (85.06%). Malah, tahap serapan maksimum bagi Biosponge mampu mencecah sehingga 87.9%. Dari sudut impak kelestarian, inovasi Biosponge menyumbang secara langsung kepada ekonomi kitaran dengan mengitar semula sisa buangan pertanian kepada produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Biosponge menunjukkan 100% terbiodegradasi secara semula jadi dan mengurangkan jejak karbon secara signifikan. Biosponge memiliki potensi komersial yang amat besar sebagai alternatif untuk span cuci isi rumah dan industry dimana lebih kos efektif. Secara kesimpulannya, dapatan data mengesahkan keupayaan penyerapan dan keliangan air Biosponge lebih baik daripada span sintetik, sekali gus mempunyai potensi yang besar sebagai inovasi alternatif yang mampan, efisien, dan berdaya komersial tinggi.

Kata kunci: Biosponge, Penyerapan air, Span sintetik

Serbuk Perasa Kari Sihat Berasaskan *Allium sativum* L. dan Gula Perang

Nur Ain Izzati Binti Kamarul Azman, Fatin Zulaikha Binti Zulri, Muhammad Hafiz Bin Syukur

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Penggunaan serbuk perasa dalam industri makanan semakin meluas bagi meningkatkan rasa dan aroma masakan. Namun, kebanyakan produk komersial mengandungi bahan tambahan seperti monosodium glutamat (MSG) yang menimbulkan kebimbangan terhadap kesihatan pengguna. Selain itu, penggunaan bahan semula jadi seperti bawang putih hitam masih kurang dimanfaatkan dalam pembangunan produk makanan tempatan. Kajian ini dijalankan untuk membangunkan produk serbuk perasa kari sihat berasaskan *Allium sativum* L. dan gula perang sebagai alternatif yang lebih semula jadi dan sihat. Objektif kajian adalah untuk menghasilkan produk serbuk perasa kari sihat, menilai tahap penerimaan pengguna terhadap produk, serta mengenal pasti potensi produk untuk dikomersialkan. Metodologi kajian melibatkan penyediaan bahan mentah, proses formulasi, penghasilan produk serbuk perasa kari, serta ujian sensori yang dijalankan ke atas 50 orang responden. Penilaian dilakukan berdasarkan aspek rasa, aroma dan tekstur berbanding produk perasa kari komersial di pasaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa produk yang dibangunkan mendapat penerimaan yang baik daripada responden dari segi rasa, aroma dan tekstur. Penggunaan bawang putih hitam juga memberikan nilai tambah terhadap ciri sensori produk serta meningkatkan potensi produk sebagai alternatif perasa yang lebih sihat. Kesimpulannya, produk serbuk perasa kari sihat yang dibangunkan berjaya dihasilkan dan memenuhi objektif kajian. Produk ini berpotensi untuk dikomersialkan sebagai alternatif kepada produk perasa kari komersial yang lebih sihat dan berasaskan bahan semula jadi.

Kata kunci: Serbuk perasa, bawang putih hitam, produk sihat, bahan semula jadi

Noni Cooling Patch

Mohamad Amirul Aiman Bin Asri, Khadijah Husna Binti Mohd Azman dan Nurin Syamila Binti Mohd Azmi

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Produk ini dibangunkan sebagai Noni Cooling Patch berasaskan buah mengkudu (*Morinda citrifolia*) yang mempunyai potensi dalam perubatan tradisional, seperti membantu mengurangkan keradangan, melegakan sakit otot, serta memberikan kesan penyejukan semula jadi. Buah mengkudu juga mengandungi sebatian bioaktif seperti flavonoid dan antioksidan yang membantu meningkatkan kesihatan kulit. Produk tampalan penyejuk sedia ada kebanyakannya menggunakan bahan sintetik yang boleh menyebabkan iritasi kulit serta pencemaran alam sekitar, justeru pembangunan produk berasaskan bahan semula jadi dan biodegradable menjadi keperluan semasa. Objektif produk ini adalah untuk menghasilkan ekstrak buah mengkudu sebagai bahan aktif, membangunkan formulasi cooling patch biodegradable, serta menilai sifat fizikal produk seperti ketebalan, keanjalan dan ketahanan pada suhu bilik. Metodologi produk melibatkan proses pengumpulan buah mengkudu masak, pengeringan, pengisaran dan pengekstrakan menggunakan etanol 75%. Ekstrak yang diperolehi kemudiannya digunakan dalam formulasi hidrogel yang mengandungi bahan PVA, gelatin, gliserin, minyak pati pudina, menthol dan bahan bioadhesive. Produk yang dihasilkan dibentuk menggunakan acuan dan disimpan untuk analisis lanjut. Kesimpulannya, pembangunan Noni Cooling Patch berpotensi menjadi alternatif produk tampalan penyejuk semula jadi yang mesra alam, selamat digunakan serta mempunyai nilai komersial dalam industri kesihatan dan kosmetik. Produk ini juga berpotensi meningkatkan penggunaan sumber tempatan serta menggalakkan inovasi dalam industri herba tempatan. Produk noni cooling patch menunjukkan potensi sebagai alternatif semula jadi yang memberi kesan penyejukan. Patch yang dihasilkan juga mampu melekat dengan baik pada permukaan kulit tanpa menyebabkan rasa tidak selesa. Dari segi fizikal, patch ini ringan, anjal, dan kekal berkualiti pada suhu bilik, menjadikannya selesa untuk penggunaan harian. Secara keseluruhan, produk ini berpotensi dikomersialkan dengan penambahbaikan lanjut.

Kata kunci: Serbuk perasa, bawang putih hitam, produk sihat, bahan semula jadi

Smart GPS Geofence For Real-Time Livestock Management

'Ishmatul Adibah Binti Mohd Khairul Anuar, Nuraisyah Binti Mohammad Maulazin

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Sektor penternakan sering berhadapan dengan masalah pemantauan ternakan yang tidak efisien, risiko kehilangan ternakan, serta kekangan kos dalam penggunaan sistem pemantauan sedia ada. Oleh itu, projek ini membangunkan Sistem GPS Kolar berasaskan teknologi Internet of Things (IoT) bagi meningkatkan kecekapan pemantauan ternakan secara masa nyata. Objektif utama projek ini adalah untuk mereka bentuk dan membangunkan sistem pemantauan lokasi ternakan yang berkos rendah serta mengimplementasikan fungsi geofence dan sistem amaran automatik. Sistem ini menggunakan mikropengawal ESP32 yang diintegrasikan dengan modul GPS bagi penjejakan lokasi dan modul komunikasi tanpa wayar GSM untuk penghantaran data kepada pengguna melalui aplikasi. Metodologi kajian melibatkan reka bentuk perkakasan dan perisian, pembangunan prototaip sistem, serta pengujian menggunakan pendekatan V-Model. Ujian yang dijalankan merangkumi ketepatan GPS, kestabilan komunikasi, fungsi geofence dan ketahanan bateri menggunakan bateri lithium-ion 3000 mAh dengan mod penjimatan tenaga. Dapatan menunjukkan sistem mampu menghantar data lokasi secara masa nyata dengan ketepatan sekitar \pm tiga hingga lima meter serta masa penghantaran data antara dua hingga enam saat bergantung kepada jarak komunikasi sehingga lima kilometer. Fungsi geofence berjaya mengesan pergerakan ternakan keluar dari kawasan yang ditetapkan dan menghantar amaran dalam tempoh dua hingga empat saat. Selain itu, sistem mampu beroperasi selama kira-kira empat hingga enam hari menggunakan satu bateri 3000 mAh dengan penggunaan mod penjimatan tenaga. Secara keseluruhannya, sistem ini menunjukkan prestasi yang stabil dan berpotensi digunakan sebagai penyelesaian kos rendah dalam pengurusan ternakan moden. Kesimpulannya, sistem GPS Kolar ini berjaya mencapai objektif projek dan menyokong pembangunan teknologi pertanian pintar yang lebih efisien dan sistematik.

Kata kunci: GPS Kolar, Internet of Things (IoT), Geofence, Pemantauan Ternakan, ESP32

Emerald Delite Sos Cili Hijau sebagai Bahan Masakan

Nor Syazlin Bt Mohd Shariffudin, Nurin Azmina Bt Mohd Zaini, Che Mohd Harris Haikal
Bin Che Afliczay

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi membangunkan produk inovasi Emerald Delite Sos Cili Hijau serta menilai tahap penerimaan pengguna terhadap produk tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk menghasilkan formulasi sos cili hijau yang seimbang dari segi rasa, aroma, warna dan tekstur, membangunkan sos cili hijau yang sesuai dijadikan bahan asas dalam pelbagai masakan, serta menilai kualiti rasa, aroma, warna dan tekstur berdasarkan maklum balas pengguna. Inovasi ini dihasilkan sebagai alternatif kepada sos cili komersial di pasaran yang kebanyakannya berasaskan cili merah, di samping menawarkan variasi rasa, aroma, warna dan tekstur yang lebih segar serta unik. Dalam kajian ini, sos cili hijau dihasilkan menggunakan bahan utama seperti cili padi, cili solok, lada benggala hijau, cili hijau besar dan bawang putih yang diproses bersama bahan tambahan lain bagi menghasilkan keseimbangan rasa, tekstur dan kualiti produk. Proses penghasilan produk ini merangkumi beberapa peringkat iaitu pembersihan bahan mentah, pemotongan, perebusan, pengisaran, penapisan, pemasakan pada suhu terkawal serta proses pembotolan bagi menghasilkan produk akhir sos cili hijau. Seterusnya, beberapa formulasi berbeza telah dibangunkan bagi mengenal pasti formulasi terbaik sebelum diuji melalui penilaian sensori menggunakan kaedah ujian hedonik ke atas responden dalam kalangan pelajar Politeknik Jeli Kelantan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan maklum balas positif terhadap produk Emerald Delite Sos Cili Hijau berdasarkan penilaian sensori yang dijalankan. Dari segi warna, kebanyakan responden menyukai warna sos yang kelihatan segar dan menarik. Dari segi aroma pula, majoriti responden menyatakan sos mempunyai aroma yang segar dan menyelerakan. Selain itu, dari segi rasa pula, responden menunjukkan penerimaan yang tinggi terhadap keseimbangan rasa seperti pedas, manis, masin dan sedikit masam yang dihasilkan. Dari segi tekstur pula, kebanyakan responden berpuas hati dengan kelikatan sos yang tidak terlalu cair dan terlalu pekat. Secara keseluruhannya, majoriti responden menerima produk ini dengan baik dan menunjukkan potensi yang tinggi untuk diterima di pasaran. Kesimpulannya, penghasilan Emerald Delite Sos Cili Hijau berjaya mencapai objektif kajian dan menunjukkan potensi tinggi untuk diterima di pasaran. Produk ini bukan sahaja menambah variasi produk sos sedia ada, malah mempunyai potensi untuk dikomersialkan sebagai inovasi makanan yang lebih segar, unik dan memenuhi kehendak pengguna masa kini.

Kata kunci: Emerald Delite Sos Cili Hijau, formulasi sos, penerimaan pengguna

Pulbeg Lestari

Muhammad Fahmi Zakwan Bin Mohd Nuri, Mayansari Binti Zolkifli dan Nor Syamimi
Binti Mohammad Najid

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Penggunaan polibeg plastik dalam sektor pertanian semakin meluas kerana praktikal, namun bahan ini sukar terurai dan menyumbang kepada pencemaran mikroplastik yang menjejaskan kesihatan tanah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menghasilkan beg tanaman mesra alam (pulbeg) menggunakan dulang telur terpakai sebagai alternatif kepada polibeg konvensional. Masalah utama yang ingin diselesaikan ialah pencemaran plastik serta kekurangan bahan tanaman yang biodegradable tetapi masih mempunyai ketahanan yang baik. Pendekatan kajian melibatkan penghasilan pulbeg menggunakan bahan kitar semula seperti dulang telur, tepung ubi kayu dan sabut kelapa yang diproses menjadi pulpa, dibentuk dan dikeringkan. Ujian yang dijalankan merangkumi ketahanan air, kekuatan beban, pertumbuhan tanaman dan kadar kebolehduraian. Hasil kajian menunjukkan pulbeg bersalut lilin mempunyai ketahanan air yang lebih tinggi (95–100% selama 7 hari) serta mampu menampung beban sehingga 800 g berbanding tanpa lilin. Selain itu, pertumbuhan tanaman dalam pulbeg lilin adalah lebih baik dengan peningkatan sekitar 3–4 cm/minggu. Ini membuktikan bahawa pulbeg lilin lebih berkesan berbanding alternatif lain. Kesimpulannya, pulbeg bersalut lilin merupakan pilihan terbaik kerana menggabungkan ciri ketahanan, kekuatan dan kebolehduraian, sekali gus mengurangkan pencemaran alam. Bagi kajian akan datang, penambahbaikan boleh dilakukan dengan mengkaji bahan salutan alternatif yang lebih mesra alam serta meningkatkan kekuatan pulbeg untuk penggunaan jangka panjang.

Kata kunci: pulbeg lestari, biodegradasi, dulang telur

Sabun Cecair Daun Kapal Terbang (Chromolaena Odorata)

Fatin Alissa Binti Amran , Nur Irdina Farisha Binti Mohd Fazri ,
Nur Izzah Binti Mohd Rosdi

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

This study was conducted to develop a liquid soap based on the leaves of *Chromolaena odorata*, commonly known as Siam weed or “Daun Kapal Terbang.” This plant is well known for its antibacterial, antioxidant, and wound healing properties, making it a potential ingredient in personal care products. In this study, 15% of *Chromolaena odorata* leaf powder was used and formulated with 67% liquid soap base, 2.5% spearmint fragrance, 0.5% Liquid Germall Plus as a preservative, and 15% distilled water. The mixture was prepared and evaluated in terms of pH, stability, texture, and cleansing effectiveness. The results showed that the formulated liquid soap possesses good cleansing properties, is safe for skin application, and has the potential to serve as an alternative to commercial products containing synthetic chemicals. In conclusion, the use of this plant in liquid soap production not only adds value to local herbal resources but also supports the development of eco friendly and natural based products.

Keywords: *Chromolaena odorata*, liquid soap, antibacterial, plant extract, natural products, skincare

Sistem Penyiraman Automatik Tenaga Solar

Nilea Balqis binti Mohd Ridzan, Nurul Alya Hamizah binti Zol,

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan Sistem Penyiraman Automatik Tenaga Solar dalam membantu pengairan tanaman bayam secara cekap serta menjimatkan tenaga. Objektif kajian adalah untuk menguji prestasi sistem penyiraman automatik tenaga solar dalam membekalkan kuasa kepada pam dan sistem siraman, membandingkan penggunaan air bagi tiga tempoh siraman berbeza serta menentukan tempoh siraman paling optimum bagi tanaman bayam. Sistem ini menggunakan panel solar dengan julat voltan sekitar 5.0–5.6 V untuk mengecas bateri yang membekalkan kuasa kepada pam air dan pengawal masa automatik. Tiga tempoh siraman diuji iaitu 1 minit setiap 3 jam, 6 jam dan 12 jam. Hasil kajian menunjukkan tempoh pengecasan bateri sekitar 3.8 hingga 5.0 jam, manakala tempoh operasi sistem adalah antara 3.6 hingga 4.2 jam. Siraman setiap 12 jam didapati paling optimum dengan penggunaan air kira-kira 790 mL sehari, iaitu sedikit melebihi keperluan bayam (500–700 mL) namun masih dalam julat yang boleh diterima kerana mengambil kira kehilangan air melalui penyejatan dan resapan tanah, seperti yang disokong oleh kajian terdahulu (Daraz et al., 2025; Guo & Li, 2024). Selain itu, peningkatan voltan dan tempoh operasi serta penurunan masa pengecasan menunjukkan kecekapan sistem yang semakin baik, selari dengan kajian sistem pengairan solar (Yatnalli et al., 2023; Ram, 2025). Kesimpulannya, sistem ini berfungsi dengan baik serta mampu menjimatkan penggunaan air dan tenaga.

Kata kunci: sistem penyiraman automatik, tenaga solar, bayam

Penghasilan Racun Rumpai Organik

Nor Zairil Danish Bin Nor Azlan ,Muhammad Alif Haikal Bin Mohd Hisham,
Kaviaarasu A/L Harikrishnan

Jabatan Agroteknologi Dan Bio-Industri, Politeknik Jeli Kelantan

ABSTRAK

Rumpai merupakan salah satu perosak utama dalam sektor pertanian kerana kehadirannya boleh memberi pelbagai kesan negatif terhadap tanaman. Rumpai bersaing dengan tanaman utama untuk mendapatkan sumber penting seperti air, nutrien, cahaya matahari dan ruang untuk tumbuh. Walaubagaimanapun, penggunaan racun rumpai kimia boleh memberi kesan negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan jika tidak dikawal dengan baik. Penggunaan racun rumpai secara berlebihan boleh mencemarkan tanah dan sumber air serta boleh menyebabkan kerosakan kepada tanaman utama jika tidak digunakan mengikut kadar dan kaedah yang betul. Kajian mengenai penghasilan racun rumpai organik sebagai kaedah alternatif untuk mengurangkan penggunaan racun sintetik dalam kawalan rumpai telah dijalankan. Eksperimen ini telah dijalankan di kawasan nurseri Politeknik Jeli Kelantan selama 30 hari. Dalam eksperimen ini, antara bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan racun rumpai organik adalah terdiri daripada minyak pati kayu manis, minyak bunga cengkih,cuka, garam dan sabun pencuci pinggan. Kesemua bahan ini dicampur dan dibiarkan dalam bekas campuran selama 3 hari. Racun rumpai organik ini telah disemur pada rumpai rumput kerbau dan rumpai rumput sambau sebagai bahan ujikaji. Hasil daripada kajian menunjukkan kedua dua jenis rumpai mati sepenuhnya dalam tempoh 24 jam selepas disemur racun rumpai organik. Daripada kajian ini, menunjukkan bahawa formulasi gabungan bahan bahan dari minyak pati kayu manis, minyak bunga cengkih,cuka, garam dan sabun pencuci pinggan mampu bertindak sebagai racun rumpai organik yang berkesan dalam mengawal populasi rumpai. Dapatan daripada kajian ini akan dapat membantu petani menggunakan racun rumpai organik sebagai pengganti penggunaan racun kimia dalam kawalan rumpai

Kata kunci: racun rumpai organik, perosak, alam sekitar



02

**KLUSTER
KAJIAN &
TEKNIKAL**

Eco-Co Seedling Pellet

W Noor Aida Binti W Muhamad, Muhammad Iman Bin Suhaimi, Amin Fahmi Bin Mohd Azuan, Syed Amir Arif Bin Syed Norasma Jalanl

Department of Agrotechnology & Bio- Industry

ABSTRACT

Agricultural waste management remains a significant challenge in Malaysia's agricultural sector, particularly in the coconut milk processing industry, where large quantities of coconut residue are generated daily and often discarded without proper treatment. This leads to environmental pollution and resource wastage. Therefore, this study aims to explore the potential of coconut milk residue as the main raw material in developing an innovative biodegradable product known as the Eco-Co Seedling Pellet. The objective of this research is to produce an environmentally friendly and cost-effective alternative planting medium to replace commercial peat-based jiffy pellets. The Eco-Co Seedling Pellet was produced using dried coconut milk residue combined with Sodium Carboxymethyl Cellulose (CMC) as a natural binder and wrapped in a biodegradable net. The production process involved several stages, including collection, boiling treatment of the coconut residue with sodium bicarbonate and calcium carbonate for three hours, drying, mixing, hydraulic pressing, and final oven drying. The effectiveness of the pellet was evaluated based on seed germination rate, seedling height, and number of leaves over a period of ten days, and the results were compared with commercial jiffy pellets. The findings indicate that the Eco-Co Seedling Pellet exhibits good water absorption, aeration, and biodegradability, while providing a suitable environment for seed germination. Its application can reduce agricultural waste and decrease dependency on non-renewable materials such as peat. In conclusion, coconut milk residue has strong potential to be transformed into a high-value, sustainable, and eco-friendly planting medium.

Keywords: coconut waste, germination pellet, environmentally friendly

Evaluation of Sugarcane Bagasse as an alternative growing media for Mustard Greens

Muhammad Razan Baahishah bin Ridzuan, Muhammad Hanif Faisal bin Muspi, and Rania Hannah binti Hasbullah

Department of Agrotechnology & Bio- Industry

ABSTRACT

